

SISTEM BAHASA 2 PT3

Disediakan oleh Cikgu Rozita

BAHAGIAN A

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika ada kesalahan, tandakan A, B atau C. Jika tiada kesalahan, tandakan D.

1. Kemahiran Adrian dalam bidang elektrik oleh majikannya telah mengakukan .
A. telah diakui oleh majikannya
B. oleh majikannya telah diperakui
C. telah diperakukan oleh majikannya
D. oleh majikannya telah mengakukan
2. Semua mekanik sedang membaiki kereta pelanggan ketika kami tiba di bengkel itu.
A. membaiki kereta langgan
B. membaikkan kereta langgan
C. membaikkan kereta pelanggan
D. membaiki kereta pelanggan
3. Arissa sedaya upaya laksanakan setiap tugas yang diberi oleh gurunya.
A. pelaksanaan setiap tugas
B. melaksanakan setiap tugas
C. melaksanakan setiap penugasan
D. laksanakan setiap tugas
4. Kerja-kerja pelebaran jalan itu dijalankan pada waktu malam.
A. Kerja-kerja melebari jalan
B. Kerja-kerja melebarkan jalan
C. Kerja-kerja memperlebar jalan
D. Kerja-kerja pelebaran jalan
5. Semua pengguna jalan raya perlu mempunyai sikap bertimbangrasa semasa berada di jalan raya.
A. mempunyai sikap timbang rasa
B. mempunyai sikap rasa timbang
C. mempunyai sikap bertimbang rasa
D. mempunyai sikap bertimbangrasa
6. Meja-meja tulis di kelas itu dibalut dengan plastik berwarna supaya nampak ceria.
A. Meja tulis-meja tulis di kelas itu
B. Meja tulis di kelas itu
C. Meja tulis-tulis di kelas itu
D. Meja-meja tulis di kelas itu
7. Datuk saya telah membuat surat-surat wasiat kepada semua anaknya sebelum beliau meninggal dunia.
A. membuat surat wasiat
B. membuat wasiat surat-surat
C. membuat surat wasiat-surat wasiat
D. membuat surat-surat wasiat
8. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenalpasti punca berlakunya penyebaran penyakit Covid 19.
A. telah kenal pasti punca
B. telah dikenal pasti punca
C. telah mengenal pasti punca
D. telah mengenalpasti punca
9. Lima orang anak murid-murid Cikgu Rozita berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.
A. Lima orang anak murid
B. Kelima-lima orang anak murid
C. Kelima orang anak-anak murid
D. Lima orang anak murid-murid
10. Kehidupan Mak Cik Aina sekarang sudah sangat senang-lenang kerana perniagaannya telah maju.
A. sudah senang-lenang
B. sangat senang-lenang
C. sangat sudah senang-lenang
D. sudah sangat senang-lenang
11. Putri Kamilia menyanyikan lagu-lagu asli dengan diiringi oleh pemukul-pemukul rebana daripada Kelab Seni itu.
A. para-para pemukul rebana
B. para pukulan rebana
C. pukul-pukul rebana
D. pemukul-pemukul rebana
12. Setelah disoal-soal bertubi-tubi, barulah saksi kejadian itu menceritakan hal sebenar yang berlaku.
A. disoal-soal bertubi
B. disoal bertubi-tubi
C. disoal tubi-bertubi
D. disoal-soal bertubi-tubi
13. Pertandingan itu diadakan demi untuk mengeratkan hubungan antara penduduk.
A. demi mengeratkan
B. demi mempereratkan

- C. untuk mempereratkan
D. Demi untuk mengeratkan
14. Puan Vida terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk menaja pasukan bola sepak Kelantan.
A. keluarkan belanja besar
B. keluar belanja yang besar
C. mengeluarkan belanja yang besar
D. mengeluarkan belanja yang besar
15. Seorang dari anak-anak perempuan Puan Sofiya telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Jerman.
A. Seorang daripada anak perempuan
B. Seorang daripada anak-anak perempuan
C. Seorang dari anak perempuan anak perempuan
D. Seorang dari anak-anak perempuan
16. Mekanik itu sedang memperbaiki bocoran pendingin hawa kereta ayah.
A. sedang baiki bocoran
B. sedang baiki kebocoran
C. sedang membaiki kebocoran
D. sedang memperbaiki bocoran
17. Semua buah rambutan yang dikait oleh datuk kami telah mengutip dan dimasukkan ke dalam bakul.
A. telah kami kutip
B. telah kami mengutip
C. dikutip oleh kami
D. kami telah mengutip
18. Huda suka membeli goreng pisang di gerai itu kerana rasanya enak dan rangup.
A. suka beli goreng pisang
B. suka beli pisang goreng
C. suka membeli pisang goreng
D. suka membeli goreng pisang
19. Faiz amat menghargai kasih sayang dan sukacita ibunya dalam membesarkannya.
A. menghargai kasih sayang dan suka duka
B. menghargai kasih dan sayang serta sukacita
C. menghargai kasih sayang dan susah payah
D. menghargai kasih sayang dan sukacita
20. Kedua-dua orang adik-beradik itu saling membantu apabila mereka ditimpa masalah.
A. Kedua-dua orang adik-beradik itu saling bantu-membantu
B. Kedua orang adik-beradik itu saling bantu-membantu
C. Kedua-dua orang adik itu saling membantu
D. Kedua-dua orang adik-beradik itu saling membantu
21. Mak Fariesya mengurut-mengurut kakinya yang lenguh itu.
A. urut-urut kakinya
B. mengurut-urut kakinya
C. urut-mengurut kakinya
D. mengurut-mengurut kakinya
22. Encik Abadi berasa geram kerana kesemua anak-anak pokok pisangnya dicabut oleh gajah.
A. kesemua anak pokok pisang
B. semua anak-anak pokok pisang
C. semua anak-anak pokok pisang
D. kesemua anak-anak pokok pisang
23. Tugas sebagai guru dalam mana masyarakat dianggap tugas yang mulia.
A. di dalam mana masyarakat
B. dalam mana-mana masyarakat
C. di dalam mana-mana masyarakat
D. dalam mana masyarakat
24. Danish mengucapkan syukur dengan Tuhan kerana dia telah sembuh daripada penyakit Covid 19.
A. mengucap syukur dengan Tuhan
B. mengucap syukur kepada Tuhan
C. mengucapkan syukur kepada Tuhan
D. mengucapkan syukur dengan Tuhan
25. Peserta dalam pertandingan silat itu melompat sambil memusingkan badannya ke kiri dan ke kanan untuk menangkis serangan lawan.
A. kiri dan kanan
B. kiri dan ke kanan
C. ke kiri dan kanan
D. ke kiri dan ke kanan

